

Lydia berkata, terdapat kilang kitar semula yang beroperasi di negeri itu mengambil kesempatan daripada insiden jerebu untuk terus membuat pencemaran dengan gas berbahaya sehingga kadar jerebu dan gas yang dihasilkan kilang itu bertambah dua kali ganda.

Susulan bantahan itu, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) menggantung kelulusan permit import (AP) sebuah syarikat di Kedah sementara menunggu syarikat itu memperbaharui lesen perniagaan mereka daripada Majlis Perbandaran Sungai Petani.

Dalam pada itu, Johari berkata, Majlis Perbandaran Sungai Petani telah menjalankan tanggungjawabnya berhubung kebenaran dan pemberian lesen kepada mana-mana syarikat di kawasan itu.

"Majlis tersebut telah membenarkan mereka yang mempunyai lesen beroperasi mengikut undang-undang, mereka yang tiada lesen dan tidak cukup kelulusan untuk mengeluarkan pengeluaran ditutup. Malah, tiada lesen-lesen baharu dibenarkan seperti yang diarahkan oleh kerajaan negeri.

"Namun begitu, ada kilang yang masih berdegil dan tindakan telah diambil. Jadi dakwaan ada kilang-kilang berfungsi dengan kebenaran pihak tertentu tidak betul," jelasnya. -  
UTUSAN ONLINE